

Artikel

**Konvensyen Perlindungan Fizikal Bahan Nuklear (CPPNM) dan Pindaan (CPPNM/A):
Di Manakah Malaysia?**

*(Convention on the Physical Protection of Nuclear Material (CPPNM) and its Amendment (CPPNM /A):
Where does Malaysia Stand?)*

Aida Safura Niza Othman, Zarina Othman* & Marina Majid

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), Fakulti Sains Sosial dan
Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: zaiothman02@gmail.com

Diserah: 17 August 2025

Diterima: 28 October 2025

Abstrak: Malaysia telah menunjukkan usaha ke arah meratifikasi Konvensyen Perlindungan Fizikal Bahan Nuklear (CPPNM) dan Pindaan 2005 (CPPNM/A), termasuk semasa penyertaannya dalam Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear 2010–2016, serta meluluskan Rang Undang-Undang Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025. Rang Undang-Undang Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 ini memodenkan Akta 304 dan mewujudkan asas perundangan bagi Malaysia untuk menyertai CPPNM dan pindaannya. Namun begitu, sehingga kini Malaysia masih belum konvensyen tersebut. Kajian terdahulu lebih banyak menumpukan kepada tren serantau dalam pelaksanaan dan ratifikasi CPPNM dan CPPNM/A. Artikel ini menyumbang kepada wacana sedia ada dalam dua cara yang signifikan. Pertama, ia mengaplikasikan pendekatan berfokus dengan meneliti Malaysia secara khusus, termasuk cabaran undang-undang, institusi dan dasar yang menghalang proses ratifikasinya. Kedua, dengan mengambil iktibar daripada pengalaman negara-negara lain yang telah berjaya meratifikasi Konvensyen ini, kajian ini mengemukakan cadangan dasar yang bersasar bagi mengatasi halangan dalam negeri serta mempercepatkan usaha Malaysia ke arah ratifikasi. Antara langkah konkrit yang boleh diambil termasuklah mendapatkan komitmen politik pada peringkat tertinggi, memastikan terdapat penyelarasan yang efektif dan padu antara agensi berkepentingan dan pelaksanaan penilaian objektif antara jurang yang masih wujud antara undang-undang sedia ada dan peraturan konvensyen, serta pelaksanaan undang-undang secara berperingkat. Seterusnya, libat urus yang bermakna dengan pihak berkepentingan, termasuklah dengan pihak bukan kerajaan serta komunikasi awam adalah penting untuk mendapatkan ‘buy-in’ menyeluruh bagi kejayaan proses tersebut. Tambahan lagi, Malaysia perlu terus bergiat dalam program serantau seperti program semakan rakan setara, latihan dan pembangunan keupayaan serantau.

Kata kunci: CPPNM; CPPNM/A; keselamatan nuklear; sidang kemuncak keselamatan nuklear; keselamatan nuklear malaysia

Abstract: Malaysia has taken steps toward ratifying the Convention on the Physical Protection of Nuclear Material (CPPNM) and its 2005 Amendment (CPPNM/A), including through its participation in the 2010–2016 Nuclear Security Summits and the passage of the Atomic Energy Licensing (Amendment) Bill 2025. This Bill modernises Act 304 and establishes the legal basis for Malaysia to accede to the CPPNM and its amendment. However, Malaysia has yet to ratify the convention. Prior studies have largely focused on regional trends in the implementation and ratification of the CPPNM and CPPNM/A. This article contributes to the existing discourse in two significant ways. First, it adopts a focused approach by examining Malaysia

specifically, including the legal, institutional, and policy challenges that hinder its ratification process. Second, drawing lessons from countries that have successfully ratified the Convention, the study proposes targeted policy recommendations to overcome domestic obstacles and accelerate Malaysia's path to ratification. Concrete measures include securing political commitment at the highest level; ensuring effective, cohesive inter-agency coordination; conducting an objective assessment of gaps between current legislation and the Convention's requirements; and implementing legal measures in phases. In addition, meaningful stakeholder engagement, including with non-governmental actors, as well as public communication, is essential to build broad-based buy-in for the process. Finally, Malaysia should continue to participate actively in regional programmes such as peer reviews, training, and capacity-building initiatives.

Keywords: CPPNM; CPPNM/A; nuclear security; nuclear security malaysia; nuclear security summits

Pengenalan

Malaysia dikenali sebagai antara negara membangun yang progresif dan memainkan peranannya sebagai pemegang taruh yang bertanggungjawab berhubung tadbir urus nuklear global (Caballero-Anthony & Trajano, 2022; International Atomic Energy Agency [IAEA], 2016, 2022). Antara usaha signifikan yang telah ditunjukkan oleh Malaysia adalah penyertaan aktifnya di keempat-empat Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear (NSS) pada tahun 2010, 2012, 2014 dan 2016 (U.S. Department of State, n.d.-a, n.d.-b, n.d.-c, n.d.-d), serta meluluskan Rang Undang-Undang Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 (Bernama, 2025d). Namun, satu jurang yang ketara masih wujud. Sehingga pertengahan 2025, Malaysia adalah antara dua negara ASEAN yang masih belum menyertai Konvensyen Perlindungan Fizikal Bahan Nuklear (CPPNM) mahupun Pindaan 2005-nya (CPPNM/A), iaitu instrumen undang-undang antarabangsa utama dalam bidang keselamatan nuklear (IAEA, 2024, 2025a).

Kajian terdahulu mengenai bidang tadbir urus keselamatan nuklear Malaysia banyak tertumpu pada kerangka perundangan dan institusi yang merangkumi pelesenan, kawalan eksport dan reka bentuk pengawalseliaan (Abdul Kareem, 2016; Abdul Majid et al., 2016; Bidin, 2017; Majid & Basir, 2019), serta kebolehlaksanaan reaktor (Jaafar, 2017; Shamsuddin et al., 2017) dan penerimaan awam (Ho & Chuah, 2021; Misnon et al., 2017; Muhamad Pauzi et al., 2018). Di peringkat serantau pula, beberapa kajian telah menilai landskap keselamatan nuklear Asia Tenggara, termasuk rangka kerja Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ), Rangkaian Badan Kawal Selia ASEAN mengenai Tenaga Atom (ASEANTOM), dan pembinaan keupayaan rentas sempadan. Kajian khusus berkenaan Malaysia, yang cuba menghuraikan sebab-sebab Malaysia masih belum menyertai CPPNM dan Pindaan 2005-nya masih kekurangan. Kajian ini cuba menangani jurang tersebut dengan menjejaki faktor domestik dan luaran di sebalik kelewatan penyertaan Malaysia, serta menilai mengapa sebuah negara yang mempamerkan tingkah laku "pemegang taruh yang bertanggungjawab" dalam pelbagai forum berhubung isu nuklear masih belum mengkodifikasikan amalan tersebut melalui penyertaan dalam CPPNM dan Pindaannya.

Tomanaga (2019) menunjukkan bahawa penggunaan senjata nuklear di Hiroshima dan Nagasaki semasa Perang Dunia Kedua memperlihatkan dengan jelas potensi senjata tersebut untuk membawa malapetaka dan kehancuran besar-besaran terhadap dunia dan kemanusiaan sejagat. Usaha untuk menangani tadbir urus keselamatan nuklear di peringkat antarabangsa telah bermula setelah tamatnya Perang Dunia ke-2 (Holloway, 2016; Röhrlich, 2016, 2018). Menurut IAEA (n.d.-a), dari segi perjanjian antarabangsa, CPPNM dan CPPNM/A merupakan satu-satunya konvensyen berhubung perlindungan fizikal bahan dan fasiliti nuklear yang sah mempunyai kuasa undang-undang di peringkat antarabangsa. CPPNM telah diterima pakai pada tahun 1979 dan berkuat kuasa pada 8 Februari 1987. Pada tahun 2005, CPPNM telah diperkukuhkan lagi dengan beberapa pindaan yang dikenali sebagai CPPNM/A (IAEA, n.d.-a; United Nations; n.d.). CPPNM/A bertujuan menangani kekurangan dalam rangka kerja undang-undang antarabangsa untuk keselamatan nuklear, terutamanya berikutan kebimbangan tentang keganasan (*terrorism*). CPPNM/A telah berkuat kuasa pada 8 May 2016 (IAEA, n.d.-a; IAEA, n.d.-b, Rauf, 2016). Konvensyen ini rata-ratanya diterima hampir

secara universal oleh negara-negara dunia. Setakat ini, sejumlah 165 negara telah menyertai CPPNM dan 138 negara pula telah menyertai CPPNM/A (IAEA, 2024; IAEA, 2025a).

Jadual berikut menunjukkan tarikh negara-negara ASEAN menjadi negara pihak kepada CPPNM dan CPPNM/A.

Jadual 1. Status Penyertaan dalam CPPNM dan CPPNM/A bagi negara-negara Asia Tenggara

Negara	CPPNM	CPPNM / A
	Tarikh Menjadi Negara Pihak	Tarikh Menjadi Negara Pihak
Brunei	Bukan Negara Pihak	Bukan Negara Pihak
Kemboja	4 Ogos 2006	Bukan Negara Pihak
Indonesia	5 November 1986	27 Mei 2010
Lao PDR	29 September 2010	12 April 2023
Malaysia	Bukan Negara Pihak	Bukan Negara Pihak
Myanmar	6 Disember 2016	6 Disember 2016
Filipina	22 September 1981	16 Jun 2021
Singapore	22 September 2014	22 Oktober 2014
Thailand	19 Jun 2018	19 Jun 2018
Vietnam	4 October 2012	3 November 2012

Sumber: Laman Sesawang IAEA (2025)

Kajian in signifikan sebagai sumbangan terhadap pemahaman yang lebih baik tentang status pelaksanaan tadbir urus keselamatan nuklear di Malaysia. Selain itu, hasil kajian berpotensi untuk menyokong pembangunan dasar dan strategi kebangsaan yang lebih berkesan untuk keselamatan nuklear. Objektif utama kajian ini adalah:

- i. Memahami cabaran dalam proses ratifikasi Malaysia terhadap CPPNM dan Pindaannya;
- ii. Membuat perbandingan dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh negara Asia Tenggara lain dalam meratifikasi konvensyen tersebut; dan
- iii. Mengutarakan cadangan polisi yang dapat menyumbang ke arah proses Malaysia meratifikasi konvensyen tersebut.

Sorotan Literatur

Ulasan literatur bagi kajian ini tertumpu kepada kajian yang berkaitan dengan usaha Malaysia serta negara-negara Asia Tenggara lain dalam memperbaiki tadbir urus nuklear, termasuklah meratifikasi CPPNM dan CPPNM/A. Tiga tema menjadi fokus utama kajian, iaitu : i) Kajian berhubung pengalaman negara-negara lain, khususnya negara Asia Tenggara yang sedang membangun, dalam meratifikasi CPPNM dan CPPNM/A; ii) Kajian terdahulu berkaitan tadbir urus keselamatan nuklear di Malaysia; dan iii) Kerangka teori yang dapat menjelaskan mengapa sesebuah negara mungkin menangguhkan ratifikasi instrumen undang-undang antarabangsa berkaitan keselamatan nuklear.

Tema pertama menyoroti kajian perbandingan terhadap negara-negara yang telah meratifikasi CPPNM dan CPPNM/A. Kajian-kajian ini menekankan cabaran yang dihadapi negara tanpa program tenaga nuklear, sehinggkan insentif politik dan ekonomi untuk meratifikasi CPPNM dan CPPNM /A kurang jelas dan kurang mendesak (Johnson, 2014; Trajano, 2020). Meskipun Pindaan CPPNM merupakan instrumen penting dalam memperkukuh rejim keselamatan nuklear antarabangsa, proses ratifikasi dan pelaksanaannya secara praktikal sering terhalang oleh faktor kemahuan politik di peringkat domestik, cabaran perundangan dan pentadbiran, serta agenda nasional lain yang diberikan lebih keutamaan (Rauf 2016; Neakrase 2019; Vienna Center for Disarmament and Non-Proliferation [VCDNP], 2022a, 2022b, 2024).

Kajian perbandingan beberapa negara Asia Tenggara menunjukkan corak halangan yang serupa dalam proses meratifikasi CPPNM/A iaitu undang-undang nuklear yang usang, kapasiti kawal selia yang terhad, dan

keutamaan pembangunan yang bersaing. Thailand, misalnya, memperkuat rangka undang - undangnya melalui Nuclear Energy for Peace Act, B.E. 2559 (2016), serta pindaan (No. 2) B.E. 2562 (2019); dan secara eksplisit menetapkan Office for Atoms for Peace (OAP) sebagai pihak berkuasa kawal selia (OAP, 2022). Thailand seterusnya menjadi Negara Pihak kepada CPPNM/A pada 19 Jun 2018 (United Nations Treaty Collection [UNTC], n.d.; Ministry of Foreign Affairs of Thailand, 2018; IAEA, 2021). Filipina mengekalkan kerangka asas melalui Republic Act (RA) 5207 (1968) dan penstrukturan semula kepada Philippine Nuclear Research Institute (PNRI) di bawah DOST (Lawphil, 1968; PNRI, 2021), menambah baik kawalan eksport melalui RA 10697 (2015) (Lawphil, 2015), serta menyelaraskan kesalahan berkaitan keganasan melalui RA 11479 (2020); ratifikasi CPPNM/A berlaku pada 16 Jun 2021 (Senate of the Philippines, 2020; UNTC, n.d.). Di Indonesia, BAPETEN, ditubuhkan melalui Undang-Undang No. 10/1997 menguatkuasakan beberapa peraturan pelaksanaan, termasuk Peraturan Pemerintah (PP) No. 54/2012 tentang Keselamatan dan Keamanan Instalasi Nuklir (BAPETEN, 1998; Pemerintah Republik Indonesia, 2012), manakala status perjanjian menunjukkan pengikatan awal Indonesia terhadap CPPNM/A (UNTC, n.d.; IAEA, n.d.). Contoh-contoh ini menunjukkan bahawa, walaupun tahap aktiviti nuklear domestik relatif sederhana, ratifikasi lazimnya datang selepas penataan semula undang-undang dan institusi yang signifikan.

Menurut Vienna Center for Disarmament and Non-Proliferation (VCDNP, 2022a) pengalaman negara-negara Asia Tenggara membuktikan kepentingan komitmen politik di peringkat tertinggi, koordinasi antara agensi yang berkesan, serta pemodenan undang-undang bagi mengatasi kelambanan dalam proses ratifikasi perjanjian. Begitu juga, IAEA (2023, 2025c, 2025d) memberi penekanan bahawa semakin rakan setara, program pembangunan kapasiti, dan misi bantuan teknikal seperti International Physical Protection Advisory Service (IPPAS) telah memainkan peranan penting dalam mempersiapkan negara-negara untuk mematuhi obligasi di bawah CPPNM/A.

Secara keseluruhannya, perbandingan pengalaman yang dilalui negara lain mencadangkan bahawa ratifikasi bukanlah semata-mata bergantung kepada kewujudan program tenaga nuklear, tetapi lebih kepada sama ada sesebuah negara bersedia dan mampu melaksanakan reformasi undang-undang, menggerakkan koordinasi antara agensi, serta menunjukkan iltizam politik di peringkat tertinggi.

Tema kedua memberi tumpuan kepada literatur yang menganalisis tadbir urus keselamatan nuklear di Malaysia. Sarjana dan penganalisis dasar telah menekankan dimensi institusi dalam tadbir urus nuklear Malaysia, khususnya berhubung pemecahan bidang kuasa antara pelbagai agensi seperti Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia; dahulu dikenali sebagai AELB), Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Corak pengagihan autoriti ini, yang mencerminkan budaya birokrasi Malaysia secara umum, sering menjejaskan keberkesanan koordinasi antara agensi dalam menangani isu keselamatan nuklear. Laporan Malaysia ke NSS 2016 sendiri menegaskan peranan MKN sebagai pemacu perancangan dan AELB sebagai penyelar elemen keselamatan nuklear yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan (Government of Malaysia, 2016).

Malaysia pernah terlibat menerima misi IPPAS dan International Nuclear Security Advisory Service (INSServ) oleh IAEA (IAEA, 2017; IAEA, 2022). Laporan-laporan misi ini menegaskan bahawa walaupun Malaysia mempunyai tenaga kerja terlatih dan aktif dalam inisiatif kerjasama antarabangsa, undang-undang domestiknya masih ketinggalan berbanding amalan terbaik antarabangsa. Bidin (2017) telah menyoroti cabaran Malaysia dalam menyelaraskan kerangka perundangan domestiknya dengan obligasi keselamatan nuklear antarabangsa. Caballero-Anthony dan Trajano pula (2015) menekankan bahawa kebebasan pengawal selia dan pengaturan institusi yang jelas adalah teras kepada keberkesanan koordinasi keselamatan nuklear di ASEAN; manakala keadaan pembahagian bidang kuasa yang bertindih boleh menjejaskan koordinasi. Dalam konteks Malaysia, isu ini muncul disebabkan pembahagian peranan rentas agensi.

Secara keseluruhannya, literatur mengenai tadbir urus nuklear Malaysia menekankan naratif berkembar, iaitu kepakaran teknikal yang kukuh dan keterlibatan antarabangsa yang aktif, tetapi digandingkan dengan kelewatan reformasi undang-undang serta kekurangan dari segi koordinasi antara institusi. Ketegangan ini mencerminkan tema lebih luas dalam pematuhan undang-undang antarabangsa, khususnya dalam konteks negara-negara yang menunjukkan komitmen politik tetapi menghadapi cabaran dalam penyelarasan undang-undang akibat halangan birokrasi, politik, dan teknikal.

Tema ketiga meneliti perspektif teori yang membantu menjelaskan mengapa negara sering berbelah bahagi untuk meratifikasi instrumen undang-undang antarabangsa seperti CPPNM dan CPPNM/A. Dari sudut pandangan realis, motivasi utama yang menggerakkan sesebuah negara untuk bertindak adalah kepentingan nasional, perkiraan strategik, serta imbangan kuasa dalam sistem antarabangsa. Realisme mengandaikan bahawa institusi dan perjanjian antarabangsa hanya membawa pengaruh terhad, dan negara hanya akan mengikat diri dengan perjanjian apabila ia sejajar dengan kepentingan keselamatan material mereka (Mearsheimer, 1994; Waltz, 1979). Dalam konteks keselamatan nuklear, hal ini menunjukkan bahawa negara mungkin menangguhkan ratifikasi perjanjian seperti CPPNM/A jika mereka tidak melihat ancaman keselamatan yang mendesak, atau jika pematuhan membawa kos besar kepada institusi domestik. Sebaliknya, pendekatan konstruktivis dan institusionalis berpendapat bahawa tingkah laku negara tidak boleh dijelaskan semata-mata oleh kepentingan material. Konstruktivis menekankan peranan norma, identiti, dan legitimasi dalam membentuk tindakan negara (Finnemore & Sikkink, 1998; Wendt, 1999). Ratifikasi perjanjian, dalam konteks ini, bukan sekadar kalkulasi kos dan manfaat, tetapi juga cerminan keinginan sesebuah negara untuk dilihat sebagai anggota bertanggungjawab dalam komuniti antarabangsa. Sebagai contoh, Goodman & Jinks (2004) berhujah bahawa negara sering meratifikasi perjanjian untuk mengukuhkan legitimasi reputasi, walaupun penguatkuasaan domestik agak ketinggalan. Di Asia Tenggara, penyertaan dalam rejim seperti ASEANTOM mencerminkan bukan sahaja keperluan teknikal, tetapi juga jangkaan normatif serantau terhadap tadbir urus nuklear yang bertanggungjawab.

Pendekatan institusionalis menekankan peranan rejim, organisasi, dan proses pembelajaran dalam menggalakkan pematuhan. Seperti dihujahkan oleh Keohane dan oleh Keohane & Nye, institusi mengurangkan kos transaksi, memudahkan pertukaran maklumat, dan menyosialisasikan negara ke arah amalan kerjasama (Keohane, 1984; Keohane & Nye, 2012). Dalam domain nuklear, mekanisme seperti semakan rakan sebaya IAEA, kerjasama teknikal, dan misi pembinaan kapasiti membantu negara menyelaraskan undang-undang domestik dengan obligasi antarabangsa. Hujah ini selaras dengan Simmons (2009), bahawa tahap pematuhan kurang ditentukan oleh paksaan semata-mata, sebaliknya bergantung pada sejauh mana institusi menyediakan sokongan untuk mengatasi keterbatasan kapasiti domestik.

Secara keseluruhannya, perspektif teori ini menyediakan kerangka analitik untuk mengkaji kelewatan Malaysia dalam meratifikasi CPPNM/A. Realisme menekankan insentif strategik yang terhad memandangkan status Malaysia sebagai negara tanpa tenaga nuklear; konstruktivisme menjelaskan keterlibatan berterusan Malaysia dalam forum antarabangsa sebagai usaha mengekalkan legitimasi reputasi; manakala institusionalisme menyoroti kepentingan reformasi undang-undang domestik serta koordinasi antara agensi sebagai prasyarat untuk pematuhan. Dengan cara ini, kes Malaysia menggambarkan teka-teki yang lebih luas dalam hubungan antarabangsa: bagaimana kedaulatan, penyelarasan undang-undang, dan legitimasi antarabangsa saling berinteraksi dalam menentukan masa dan bentuk ratifikasi perjanjian.

Metodologi

Metodologi yang digunakan tertumpu kepada tinjauan literatur yang menyeluruh dan analisis yang teliti terhadap sumber primer dan sekunder. Tinjauan literatur merangkumi artikel jurnal tersohor, buku, dan laporan daripada sarjana terkemuka dalam bidang ini. Pengumpulan data melibatkan pemeriksaan sistematik terhadap rekod dan arkib daripada organisasi antarabangsa dan serantau, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), IAEA, dan NSS (2010-2016), untuk mengekstrak dokumen polisi, resolusi, dan laporan mengenai langkah-langkah keselamatan nuklear. Selain itu, penerbitan rasmi, ucapan, dan kenyataan daripada kementerian dan agensi kerajaan yang boleh diakses melalui laman web atau laman yang telah diarkibkan turut dikaji untuk memberikan konteks kepada pendekatan khusus negara dan pematuhan kepada norma antarabangsa.

Berdasarkan dokumen sumber yang dikumpul, proses analisis dokumen telah digunakan untuk memproses data. Analisis dokumen ialah kaedah kualitatif yang diterima secara meluas dengan prosedur yang menyeluruh yang meliputi pemilihan, penilaian, pengkodan dan sintesis. Pengkaji yang membincangkan kaedah kajian ini termasuk Bowen (2009), yang menghuraikan pendekatan langkah demi langkah; manakala

buku panduan Howell dan Prevenier (2001) menyediakan asas bagi kaedah penyelidikan sejarah secara sistematik, menekankan isu kebolehpercayaan sumber dan metodologi analisis.

Kajian ini memperakui terdapat beberapa cabaran menggunakan pendekatan analisi dokumen. Salah satu kebimbangan utama ialah dokumen-dokumen ini lazimnya memaparkan naratif yang telah ditapis secara politik, mencerminkan hanya maklumat yang sanggup didedahkan oleh negara dalam forum awam. Ini menimbulkan risiko bias pelaporan serta pengabaian terhadap maklumat sensitif yang penting. Tambahan pula, dokumen seperti ini cenderung menggunakan nada yang berlandaskan konsensus, tanpa menyertakan penilaian kritikal terhadap pencapaian atau tahap pematuhan negara.

Meskipun diperakui terdapat kekangan kepada kajian berdasarkan pendekatan ini, penemuan yang diperoleh tetap bernilai dan relevan, khususnya dalam memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kerumitan proses ratifikasi CPPNM/A. Analisis ini menyediakan asas awal yang berguna untuk menyumbang kepada wacana dasar dan akademik. Selain itu, kajian ini boleh dijadikan titik tolak bagi penyelidikan lanjutan yang menggunakan pendekatan metodologi yang berbeza seperti kajian lapangan, temu bual dengan pembuat dasar, atau analisis perbandingan dari sudut perundangan bagi memperluas dan memperdalam pemahaman terhadap tadbir urus keselamatan nuklear di Malaysia dan peringkat serantau. Dengan mengenal pasti isu utama dan mencadangkan arah dasar awal, kajian ini meletakkan landasan untuk penyelidikan yang lebih menyeluruh dan pelbagai dari segi pendekatan pada masa hadapan.

Hasil Kajian

Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor politik dan institusi adalah antara faktor yang mempengaruhi kadar kemajuan ratifikasi (VCNDP, 2024). Walaupun Malaysia menunjukkan komitmen kukuh semasa NSS (2010–2016), momentum politik peringkat tertinggi berkurang selepas NSS 2016. Kerja-kerja substantif diteruskan melalui saluran IAEA dan pematuhan kepada obligasi di bawah UNSCR 1540 (Government of Malaysia, 2014, 2016; NSS Sekretariat, 2016a, 2016b; NTI, 2016). Perubahan kerajaan yang kerap serta keutamaan negara yang berubah-ubah memberi kesan kepada penjadualan legislatif (Reuters, 2022a, 2022b). Tambahan pula, memandangkan Malaysia belum mempunyai program tenaga nuklear berskala besar, perjanjian keselamatan nuklear seperti CPPNM/A tidak dianggap sebagai keutamaan segera (Bernama, 2023; The Star, 2023). Namun, dengan timbulnya minat baharu terhadap tenaga nuklear awam melalui kajian (pra-) kebolehlaksanaan pada 2025, keperluan untuk meratifikasi perjanjian-perjanjian penting kini kembali diberi perhatian (Bernama, 2025b; World Nuclear News, 2025; Nuclear Engineering International, 2025).

Kompleksiti dalam penyelarasan antara agensi turut menjadi penyumbang kepada kelambanan tersebut. Proses ratifikasi melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuklah Jabatan Tenaga Atom, Kementerian Luar Negeri, Majlis Keselamatan Negara, serta penasihat undang-undang, dan penyesuaian peranan antara institusi-institusi ini memanjangkan tempoh reformasi (Government of Malaysia, 2016). Sebagai contoh, hasil lawatan misi IAEA menerusi INSServ, menunjukkan kerajaan perlu meneliti serta mengemaskini peruntukan undang-undang berkaitan untuk menutup jurang keselamatan yang dikenal pasti (IAEA, 2022b). Keputusan untuk menggubal atau menyusun semula rangka undang-undang komprehensif yang merangkumi obligasi di bawah CPPNM/A, ICSANT dan Protokol Tambahan turut menambah beban proses ini (Government of Malaysia, 2014, 2016; IAEA Office of Legal Affairs [IAEA OLA] n.d.-a). Perkembangan terkini melalui pindaan Akta 304 pada 2025 menyokong hala tuju tersebut dengan menyediakan asas perundangan domestik yang lebih selaras dengan piawaian antarabangsa (Bernama, 2025a; The Edge Malaysia, 2025).

Berdasarkan hasil yang diperolehi, satu lagi cabaran yang dihadapi adalah keupayaan teknikal yang ada di Malaysia. Walaupun keupayaan teknikal bukan halangan utama, Malaysia tetap mengambil langkah memastikan sistem keselamatan fizikal, kompetensi personel dan mekanisme penguatkuasaan sedia ada mencukupi sebelum meratifikasi (Government of Malaysia, 2016). Sepanjang dekad lalu, Malaysia telah mengukuhkan infrastruktur keselamatan nuklearnya termasuk penubuhan Pusat Sokongan Keselamatan Nuklear Kebangsaan (NSSC) (Atom Malaysia, n.d.; IAEA, 2020), serta menerima misi pakar antarabangsa seperti IPPAS, INSServ dan INSARR (IAEA, 2016, 2022b, 2025b). Langkah-langkah ini menunjukkan

bahawa perlindungan nuklear sedang dilaksanakan secara amalan, walaupun kerangka perundangan masih belum lengkap dan hanya dimuktamadkan melalui pindaan pada 2025 (Bernama, 2025d).

Akhir sekali, sebelum ini, keperluan penjajaran perundangan adalah antara faktor kekangan utama bagi Malaysia meratifikasi CPPNM dan Pindaannya. Faktor ini telah diperakui sendiri oleh Malaysia, yang sebelum ini secara konsisten menyatakan bahawa kelewatan itu berpunca daripada keperluan untuk meminda Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) secara menyeluruh. Pada satu mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2012, Malaysia menyatakan bahawa negara berada pada “peringkat akhir” untuk meminda Akta 304 supaya menjadi undang-undang nuklear yang lebih komprehensif. Setelah pindaan ini diselesaikan, Malaysia akan menyertai CPPNM/A dan instrumen berkaitan (Misi Tetap Malaysia ke PBB, 2012). Pendekatan ini turut diulang dalam laporan kemajuan yang dikemukakan Malaysia sempena Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear (2014–2016), yang menegaskan bahawa ratifikasi hanya akan berlaku selepas pembaharuan perundangan dilaksanakan (Government of Malaysia, 2014; Government of Malaysia, 2016).

Pada 2025, Parlimen meluluskan Rang Undang-Undang Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025, yang menurut kerajaan memodenkan Akta 304 selaras dengan piawaian antarabangsa dan memperkenalkan kesalahan keselamatan nuklear baharu yang konsisten dengan obligasi di bawah CPPNM/Amendment (contohnya, seksyen baharu 41D mengenai perbuatan melibatkan bahan nuklear/radioaktif dengan niat menyebabkan mudarat) (Bernama, 2025a; Ministry of Science, Technology and Innovation [MOSTI], 2025). Kerajaan turut menyatakan bahawa pewartaan pindaan ini akan menyediakan asas undang-undang domestik untuk menandatangani atau menyertai instrumen seperti CPPNM/A dan ICSANT (Bernama, 2025c).

Kesimpulannya, kelambanan Malaysia dalam meratifikasi CPPNM/A mencerminkan pendekatan yang berhati-hati untuk memastikan kesiapsiagaan undang-undang dan institusi. Walaupun komitmen untuk menyertai perjanjian ini telah dinyatakan sejak lebih satu dekad lalu, pelbagai kekangan dalaman, terutama reformasi perundangan, keutamaan dasar negara, dan koordinasi antara agensi, telah menyebabkan ratifikasi belum direalisasikan setakat tahun 2025 (IAEA OLA, 2025; Government of Malaysia, 2014, 2016). Dengan pindaan komprehensif Akta 304 yang diluluskan pada 2025 dan pewartaan susulan yang dirancang, Malaysia kini semakin hampir memenuhi prasyarat untuk memuktamadkan langkah ratifikasi yang telah lama dinanti (Bernama, 2025a; The Star, 2025; MOSTI, 2025).

Dalam konteks negara membangun banyak negara telah menghadapi cabaran, terutamanya berkaitan dengan kesiapsiagaan perundangan, keutamaan politik dan kapasiti institusi, memandangkan Pindaan 2005 memperluas skop perlindungan kepada fasiliti nuklear dan menambah kesalahan seperti sabotaj. Namun begitu, beberapa negara berjaya mengatasi halangan ini melalui pelaksanaan amalan terbaik, reformasi undang-undang dan komitmen politik yang strategik (NSS Secretariat, 2016a). Analisis perbandingan pengalaman negara-negara yang telah meratifikasi selepas menjalankan reformasi perundangan dan program pembinaan kapasiti, serta memanfaatkan misi bantuan IAEA seperti IPPAS dan INSServ, boleh memberikan pengajaran yang berguna kepada Malaysia ketika negara ini menghampiri peringkat akhir proses ratifikasinya (IAEA, 2016; IAEA, 2022b; NSS Secretariat, 2016a).

Di kalangan negara ASEAN, proses ratifikasi CPPNM/A berlaku secara tidak sekata. Seseengah negara tanpa program tenaga nuklear berskala besar menunjukkan penyertaan yang lebih lewat; sebagai contoh, Brunei masih bukan pihak kepada CPPNM mahupun Pindaannya, manakala Kemboja telah menjadi pihak kepada CPPNM (2006) tetapi belum meratifikasi Pindaan 2005 (IAEA OLA, n.d.-b; n.d.-c). Sebaliknya, beberapa negara jiran sudah pun menyertai Pindaan ini: Indonesia (2010), Viet Nam (2012), Myanmar (2016), Thailand (2018), Filipina (2021), dan Singapura (penerimaan 2014) (IAEA OLA, n.d.-d; n.d.-i; n.d.-e; n.d.-h; n.d.-f; n.d.-g). Laos turut meratifikasi pada 12 April 2023 (IAEA OLA, n.d.-j). Kedudukan Malaysia, yang memiliki reaktor penyelidikan tetapi tiada loji kuasa nuklear serta belum menjadi pihak kepada Pindaan, mencerminkan corak serantau yang bercampur-campur.

Pengalaman yang dilalui Thailand memberikan beberapa pengajaran yang berguna. Sama seperti Malaysia, Thailand mengalami kelewatan kerana kekangan undang-undang domestik yang lapuk, khususnya Atomic Energy for Peace Act B.E. 2504 (1961) (Office of Atoms for Peace [OAP], 2022). Bagi mengatasi kekangan ini, Thailand meluluskan Nuclear Energy for Peace Act B.E. 2559 (2016) yang memodenkan

kerangka pengawalseliaan nuklearnya dan menyelaraskannya dengan obligasi antarabangsa; undang-undang baharu ini berkuat kuasa pada 1 Februari 2017 (OAP, 2022). Selepas penguatkuasaan undang-undang baharu itu, Thailand meratifikasi Pindaan CPPNM pada 19 Jun 2018 (berkuat kuasa 19 Julai 2018) (IAEA OLA, n.d.-h). Pegawai Thailand menegaskan bahawa langkah tersebut mencerminkan komitmen negara terhadap keselamatan dan sekuriti nuklear, meskipun Thailand tidak mempunyai loji kuasa nuklear (Ministry of Foreign Affairs of Thailand, 2018). Kes Thailand menunjukkan bahawa reformasi perundangan yang disokong oleh kemahuan politik boleh mengatasi kekangan institusi dengan berkesan (IAEA OLA, n.d.-h; OAP, 2022).

Filipina pula menempuh laluan yang lebih perlahan tetapi akhirnya berjaya mencapai objektif meratifikasi konvensyen tersebut. Cabaran utamanya ialah struktur pengawalseliaan yang lama, apabila fungsi promosi/penyelidikan dengan kawal selia digabungkan dalam satu agensi iaitu Department of Science and Technology (DOST) dan Philippine Nuclear Research Institute (PNRI) (Valdezco, 2000). Filipina meratifikasi Pindaan CPPNM pada Jun 2021, lalu menyertai Review Conference CPPNM/A 2022 sebagai Negara Pihak (IAEA OLA, n.d.-f; IAEA, 2022a). Kemudian, bagi memperkukuh pematuhan dan menyelaraskan kerangka domestik dengan piawaian antarabangsa, Filipina menggubal Akta Komprehensif Keselamatan Nuklear (Republic Act 12305) pada tahun 2025, yang menubuhkan pengawal selia bebas iaitu Philippine Atomic Energy Regulatory Authority (PhilATOM) dan memisahkan fungsi kawal selia daripada PNRI (Republic of the Philippines, 2025; Presidential Communications Office, 2025; DOST, 2025). Kes Filipina menunjukkan bahawa reformasi perundangan yang disokong komitmen politik dapat mengatasi kekangan institusi serta memperkukuh pelaksanaan (DOST, 2025; PNRI, 2025).

Sebaliknya, Indonesia memberikan contoh negara yang bertindak awal hasil komitmen politik yang kukuh (NSS Sekretariat, 2016). Indonesia meratifikasi Pindaan CPPNM pada Mei 2010 (IAEA OLA, n.d.-d), dengan kelebihan memiliki agensi pengawalseliaan iaitu Badan Pengawas Tenaga Nuklir (BAPETEN), serta Undang-Undang No. 10 Tahun 1997 tentang Ketenaganukliran yang secara relatifnya moden (Republik Indonesia, 1997; BAPETEN, n.d.). Dipacu oleh program penyelidikan nuklear yang telah lama wujud dan hasrat untuk membangunkan tenaga nuklear, Indonesia menunjukkan kepimpinan aktif dalam forum keselamatan nuklear antarabangsa seperti NSS (Badan Riset dan Inovasi Nasional [BRIN], n.d.; NSS Sekretariat, 2016). Pengalaman Indonesia membuktikan bahawa ratifikasi awal dapat dicapai apabila wujud kerangka undang-undang asas dan keutamaan strategik nasional terhadap pematuhan perjanjian keselamatan (IAEA OLA, n.d.-d; Republik Indonesia, 1997).

Selain faktor domestik, faktor luaran wajar juga diberikan perhatian. Mekanisme serantau dan antarabangsa telah secara konsisten menggalakkan penyertaan dalam Pindaan CPPNM (East Asia Summit, 2018). Dalam kalangan ASEAN, ASEANTOM memainkan peranan penting dalam menyelaraskan norma keselamatan nuklear dan berkongsi amalan terbaik (Findlay, 2022.). Malaysia mempengerusikan ASEANTOM pada tahun 2015 dan terus aktif dalam rangkaian ini (Government of Malaysia, 2016), serta mengikuti perkembangan jiran-jirannya seperti Thailand (meratifikasi 2018) dan Filipina (meratifikasi 2021) (IAEA OLA, n.d.-a; IAEA OLA, n.d.-b). Selain itu, deklarasi politik seperti East Asia Summit Leaders' Statement on Nuclear Security (2018) turut menggesa negara-negara yang masih belum meratifikasi agar segera berbuat demikian (East Asia Summit, 2018). Malaysia juga telah menerima bantuan teknikal dan perundangan daripada IAEA (contohnya IPPAS 2016 dan INSServ 2022), yang membantu menyokong kesiapsiagaan undang-undang negara (IAEA, 2016; IAEA, 2022, 2025b).

Secara keseluruhannya, walaupun kelewatan Malaysia adalah selari dengan pola serantau, pengalaman perbandingan menunjukkan bahawa pemodenan perundangan, komitmen politik berterusan, dan kerjasama serantau merupakan kunci untuk mengatasi halangan institusi dan prosedur (Government of Malaysia, 2016). Pindaan Akta Perlesenan Tenaga Atom (Akta 304) telah diluluskan pada 25 Ogos 2025 (Dewan Rakyat) dan 8 September 2025 (Dewan Negara), menandakan Malaysia berada di ambang penyertaan (Bernama, 2025d; The Edge Malaysia, 2025; The Star, 2025). Dengan mengambil pengajaran daripada negara-negara jiran seperti Thailand dan Filipina, serta pengalaman Indonesia, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menyelaraskan undang-undang domestik dengan norma keselamatan nuklear antarabangsa dan memperkukuh peranannya dalam rejim tadbir urus nuklear global (IAEA OLA, n.d.-h; IAEA OLA, n.d.-f; IAEA OLA, n.d.-d).

Perbincangan

